

# Sedia khidmat bagi PAP di Eunos

Anak mantan menteri sudah lawat seperempat blok HDB sejak dua bulan lalu

PILIHAN raya umum hanya akan diadakan pada 2015/2016, namun Parti Tindakan Rakyat (PAP) telah pun mengorak langkah membangunkan semula pasukananya di Kawasanundi Perwakilan Kumpulan (GRC) Aljunied.

Encik Chua Eng Leong, 42 tahun, anak mantan menteri Kabinet, Encik Chua Sian Chin, telah dilantik pengerusi cawangan PAP bagi kawasan undi Eunos bulan lalu.

Beliau mengambil alih tugas daripada mantan Menteri Negara Kanan (Ehwal Luar), Encik Zainul Abidin Rasheed, yang merupakan salah seorang anggota pasukan PAP yang tewas dalam Pilihan Raya Umum 2011.

Encik Chua Sian Chin, yang menderita penyakit demensia sejak 1990-an, telah memegang pelbagai portfolio – termasuk kesihatan, pendidikan dan ehwal dalam negeri pada 1960-an dan 1970-an.

Beliau sering membawa anaknya bersama-sama menghadiri kegiatan kemasyarakatan, satu amalan yang mempengaruhi Encik Chua Eng Leong memasuki politik.

“Semua ibu bapa yang baik tidak mahu anak-anak mereka memasuki bidang yang disertai keluarga. Sebagai ibu bapa, saya tidak mahu anak saya sendiri berada dalam kedudukan di mana orang cuba menjatuhkan anda, atau cuba membuat dusta mengenai anda.

“Namun saya yakin beliau gembira,” jelas Encik Chua lagi.

Setelah PAP mengalami kekalahan bersejarah di GRC Aljunied, mantan Menteri Ehwal Luar, Encik George Yeo; mantan Menteri Kedua Pengangkutan dan Kewangan, Cik Lim Hwee Hua; dan Encik Zainul telah meninggalkan arena politik.

Selain Encik Chua, GRC Aljunied mempunyai tiga pengerusi cawangan PAP yang baru.

Mereka terdiri daripada pegawai insurans penjagaan kesihatan, Encik Victor Lye; peguam, Encik K. Muralidharan Pillai; dan eksekutif industri penerbangan, Encik Poon Mun Wai; yang kesemua merupakan aktivis mapan parti sebelum dipilih menjadi pengerusi cawangan.

Mereka menggantikan Encik Yeo, Cik Cynthia Phua dan Cik Lim.

Encik Zainul berkata penggantinya itu “bersedia bekerja keras di kawasan undi pembangkang yang mencabar”.

Beliau juga memuji Encik Chua kerana “prihatin tentang jenis Singapura yang diinginkan untuk anak-anaknya”.

Sekjak dua bulan lalu di peringkat akar umbi, Encik Chua, bapa dua anak, telah melawat seperempat blok Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) di Eunos.

Anggota Parlimen (AP) GRC Aljunied di divisyen Eunos itu ialah Encik Pritam Singh dari Parti Pekerja.

Encik Chua telah bertemu penduduk yang memberikaninya sambutan mesra.

“Pada akhirnya, empat daripada sekitar 10 penduduk di sini telah mengundi PAP. Walaupun enam daripada 10 tidak mengundi PAP, tidak ada sebab mengapa saya tidak boleh berkhidmat kepada mereka,” jelasnya.

Selain itu, beliau juga telah memulakan sesi bertemu penduduk (MPS) di Eunos.

Ketika dihubungi semalam, seorang pengamat politik, Encik Eugene Tan, yang juga profesor undang-undang di Universiti Pengurusan Singapura (SMU), berkata masa adalah amat penting dalam meletakkan kepimpinan dan pasukan baru di GRC Aljunied.

“Sememangnya dua tahun telah berlalu sejak GE 2011, lantas keperluan bagi menyediakan satu pasukan menjadi lebih mendesak. PAP juga perlu menunjukkan bahawa ia serius dalam memenangi semula GRC Aljunied,” jelas Encik Tan.

Beliau berkata WP kini mempunyai kelebihan sebagai penyandang dan menumpukan sumber-sumber mereka di GRC Aljunied.

“Selain itu terdapat keimbangan sekiranya PAP tidak memenangi semula GRC Aljunied dalam pilihan raya umum akan datang, GRC Aljunied boleh menjadi kubu kuat WP seperti yang terjadi di Hougang,” ujar beliau.